

Kerajaan perlu proaktif sedia pusat jagaan warga emas mampu milik

Langkah tangani kos perubatan, insurans semakin meningkat

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu mengambil langkah proaktif bagi menangani isu penuaan dan penjagaan warga emas di negara ini termasuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan jagaan untuk golongan terbabit.

Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Rahimah Ibrahim, berkata kos perubatan dan insurans swasta yang semakin meningkat menjadikan sistem pembiayaan penjagaan jangka panjang lebih mendesak untuk diperbaiki.

“Meskipun pada realitinya reformasi sistem dan dasar akan mengambil masa, tetapi pende-



Keratan akhbar BH Ahad, 18 Januari lalu.

katan proaktif ini amat diperlukan.

“Jadi, kerajaan wajar menyediakan alternatif penjagaan di rumah dan komuniti yang mesra rakyat serta mampu milik,” katanya kepada BH.

Kos membebankan

BH sebelum ini melaporkan kos bagi mendapatkan khidmat penjagaan warga emas di negara ini semakin membebankan dengan ada pusat swasta mengenakan caj lebih RM20,000 sebulan bergantung keperluan penghuni.

Semakan BH dengan beberapa pusat jagaan warga emas swasta sekitar Lembah Klang mendapati ada yang mengenakan bayaran bermula RM4,000 dan ada juga lebih RM20,000 sebulan.

Bayaran yang dikenakan kepada pelanggan berbeza kerana bergantung keperluan setiap individu seperti penjagaan dari segi perubatan, jenis bilik serta kos makan dan minum.

Bagaimanapun bagi warga emas kurang mampu terutama tanpa waris, kerajaan menyediakan rumah orang tua di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan khidmat percuma atau yuran bersubsidi, bergantung pada kelayakan, penajaan zakat dan kewarganegaraan.

Mengulas lanjut, Rahimah ber-

kata, negara menghadapi isu penjagaan kesihatan kerana sistem penjagaan jangka panjang atau *long-term care* (LTC) masih baharu dan belum diiktiraf sebagai industri kritikal.

“Antara isu yang dihadapi ialah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikenakan ke atas pusat jagaan warga emas kerana masih diklasifikasikan di bawah sektor kecantikan.

“Majoriti penghuni pusat jagaan bukan daripada golongan berada. Kerajaan perlu memberi perhatian bukan sahaja kepada liputan perkhidmatan tetapi juga

latihan, kualiti penjagaan, keselamatan, pembiayaan dan pendaftaran pusat jagaan,” katanya.

Tabung persaraan

Sehubungan itu, katanya, MyAgeing menggesa masyarakat khususnya golongan muda mengamalkan hidup sihat dan menabung bagi persaraan sebagai sebahagian daripada perkongsian tanggungjawab menjaga warga emas.

“Kerajaan kini hanya menyediakan perkhidmatan untuk kumpulan rentan melalui Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) dengan kapasiti katil yang terhad.

“Pendekatan lebih berkesan dalam jangka pendek ialah menyokong penjagaan di rumah dan komuniti melalui keusahawanan sosial sambil meringankan kos pengusaha yang menyasarkan individu B40 dan M40.

“Usaha ini perlu dilaksanakan sehingga kerajaan mampu membina kapasiti dan sumber untuk menawarkan perkhidmatan penjagaan jangka panjang secara lebih menyeluruh pada masa hadapan,” katanya.

“Kerajaan perlu memberi perhatian bukan sahaja kepada liputan perkhidmatan tetapi juga latihan, kualiti penjagaan, keselamatan, pembiayaan dan pendaftaran pusat jagaan”

Rahimah Ibrahim,
Pengarah MyAgeing, UPM

